

14/01/1998

Projek MSC mungkin diperlahan

BANGI, Selasa - Pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) mungkin diperlahankan dengan kos lebih rendah bagi disesuaikan dengan program penjimatan perbelanjaan kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mempengerusikan mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Isnin ini bagi memutuskan sejauh mana kegawatan ekonomi memberi kesan kepada pertumbuhan MSC serta bahagian projek yang perlu diperlahan atau dikurangkan kosnya.

Mesyuarat itu dijangka turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; dan wakil agensi kerajaan yang terbabit.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata, kerana perbelanjaan kerajaan secara keseluruhan terpaksa diimbangkan bagi disesuaikan dengan keadaan ekonomi, pengurangan mungkin turut membabitkan pelaksanaan projek aplikasi utama.

Bagaimanapun, katanya, kegawatan ekonomi setakat ini tidak banyak memberi kesan kepada pembangunan MSC, kawasan pembangunan yang dianggap sebagai enjin baru pertumbuhan negara.

Sehubungan itu, pelaksanaan infrastruktur MSC yang kini berjalan lancar akan diteruskan bagi menampung kemasukan pelaburan.

"Sehingga kini kerajaan belum memberi sebarang petunjuk berapa pengurangan peruntukan bagi MSC," katanya dalam sidang akhbar bagi mengumumkan tarikh Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) di sini, hari ini.

Empat aplikasi utama MSC yang dalam proses kajian untuk dilaksanakan bermula April tahun ini ialah sekolah bestari, kerajaan elektronik, kad pintar dan teleperubatan.

Othman berkata, sebarang kesan negatif boleh diteliti daripada bilangan pelabur yang memohon status MSC yang setakat ini tidak menunjukkan sebarang pengurangan manakala tahap pelaksanaan pembangunan infrastruktur tetap berjalan lancar.

(END)